



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 KIt.46 (12)

Tarikh : 2 Mac 2017

KENYATAAN AKHBAR

KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN NEGARA OLEH YB MENTERI KPKT

2 Mac 2017

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Program 1 Juta Rumah Mampu Milik

Majlis Perumahan Negara (MPN) siri 5 bilangan 1 tahun 2017 yang telah bersidang pada hari ini telah pun membincangkan antara lain status pelaksanaan program pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik dalam tempoh 5 tahun iaitu sehingga tahun 2018.

Sasaran yang telah dicapai adalah seperti berikut, yakni di antara tempoh Januari 2013 sehingga Disember 2017 **sejumlah 227,532 unit rumah bersamaan 19.7% telah siap dibina. Sejumlah 237,157 unit atau 20.6% sedang dalam pembinaan. Manakala sebanyak 38.7% atau 445,656 unit** lagi sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Tujuan kita mengadakan MPN ini ialah untuk mendapatkan kerjasama yang erat antara agensi-agensinya pelaksana pembangunan perumahan disamping ia berperanan bukan sekadar memantau 'figure' atau jumlah unit rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat semata-mata, malahan ia

juga merupakan satu platform yang ideal bagi merangka strategi dan pelan tindakan secara inovatif, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah dengan lebih cekap dan cepat yang boleh menjana pembangunan industri perumahan secara menyeluruh.

Selain daripada itu tiga (3) kertas kerja telah pun dibentangkan seperti berikut :

Kertas Pertimbangan

a) Kertas 1- Cadangan Penetapan Harga Jualan & Kadar Sewa Baharu Program Perumahan Rakyat (PPR)

Pada masa ini, harga jualan PPR yang ditetapkan bagi Semenanjung Malaysia ialah RM35,000.00 seunit dan bagi Sabah dan Sarawak ialah RM42,000.00 seunit pada keluasan 650 kps.

Harga jualan yang dicadangkan ialah pada kadar RM 42,000.00 untuk unit yang dibina dengan keluasan 700 kps dan harga RM65,000.00 untuk unit yang dibina dengan keluasan 800 kps. Kadar baru yang dicadangkan ini adalah terpakai untuk seluruh negara.

Manakala kadar sewa PPR pada masa ini ialah pada harga RM124.00 sebulan. Cadangan yang dikemukakan kepada majlis pada hari ini supaya kadar sewa baru RM250 sebulan dikenakan kepada penyewa PPR.

Asas pertimbangan untuk mengenakan kadar harga dan sewa baru adalah disebabkan:

- (i) Peningkatan kos bahan, kos buruh, kos tanah dan lain-lain;
- (ii) Rekabentuk dalaman PPR yang lebih menarik dan lengkap;
- (iii) Peningkatan harga pasaran semasa harga rumah kos rendah;
- (iv) Penyelarasan harga rumah kos rendah dan mampu milik negeri;
- (v) Peningkatan pendapatan isi rumah;
- (vi) Kos pengurusan dan penyelenggaraan PPR meningkat; dan
- (vii) Kadar sewa rumah kos rendah di pasaran meningkat.

Kertas Pemakluman

b) Kertas 2- Rangka Kerja Perundangan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara

Ahli majlis mengambil maklum mengenai Rangka Kerja Perundangan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara.

Penubuhan satu agensi khas bagi melaksanakan urusan pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Pengerusi pada Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) Siri 3 Bilangan 1 Tahun 2015 yang lalu.

Rangka Kerja Perundangan yang dibentang ini mengambil kira fungsi perbadanan seperti yang berikut:

- (i) Untuk mencadang dan melaksanakan polisi berkenaan dengan perumahan awam;
- (ii) Untuk menggalakkan kesejahteraan masyarakat dalam perumahan awam;
- (iii) Untuk mengawal dan memantau kualiti, permintaan dan penawaran perumahan awam;
- (iv) Untuk mencadangkan kepada Menteri mengenai strategi, arah, polisi, undang-undang dan tindakan-tindakan yang berkenaan dengan perumahan awam; dan
- (v) Untuk membangunkan program bantuan kepada orang yang layak membeli dan/atau memajak perumahan awam.

Satu Jawatankuasa Pelaksanaan Bersama akan ditubuhkan bagi tujuan membantu Perbadanan dalam pengurusan proses kelulusan dan permohonan, memberi bantuan berkaitan dengan pembangunan perumahan awam di dalam Negeri dan menyelaras peranan semua Entiti Kerajaan untuk memudahkan dan mempercepatkan kelulusan dan pelaksanaan pembangunan perumahan awam yang dicadangkan.

Hal berkaitan peruntukan kewangan adalah termasuk; penubuhan Kumpulan Wang 3P serta Kumpulan Wang Khas, kuasa untuk meminjam, memperoleh pemberian dana dan membuat pelaburan.

Setiap urusan pengurusan perumahan awam yang dijalankan Perbadanan turut mengambil kira aspek kawalan iaitu melalui

tribunal dan majlis penduduk.

c) Kertas 2- Kajian Semula Dasar Perumahan Negara (DRN 2.0) Bagi Tempoh 2018-

Ahli majlis mengambil maklum mengenai Kajian Semula Dasar Perumahan Negara (DRN 2.0) Bagi Tempoh 2018-2022

Rasional keperluan DRN adalah sebagai satu panduan yang boleh dirujuk yang menjadi asas perancangan dan pembangunan sektor perumahan oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berkaitan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan serta pihak swasta. DRN sedia ada mula diterbitkan pada tahun 2013 untuk tempoh pemakaian selama lima tahun iaitu sehingga tahun 2017. Sepanjang pemakaian DRN versi pertama sebagai rujukan pembangunan perumahan di negara ini, beberapa ruang penambahbaikan atau penyesuaian semula telah dikenalpasti berdasarkan kepada enam (6) isu utama yang sering menjadi kekangan dalam sektor pembangunan perumahan iaitu (rujuk slide pembentangan):

- (i) Ketidakmampuan membeli rumah yang semakin kritikal;
- (ii) *Mismatch* antara penawaran dan permintaan mengikut lokasi;
- (iii) Bilangan agensi yang terlibat dalam penyediaan rumah;
- (iv) Pola pemilikan dan kependudukan kurang seimbang;

- (v) Pengurusan dan penyelenggaraan perumahan sedia ada; dan
- (vi) Ketiadaan sistem pendaftaran stok dan pembeli rumah secara bersepadu setiap lokasi.

Kajian untuk penerbitan DRN 2.0 bagi tempoh 2018- 2022 yang berfokus kepada aspek geospasial, ekonomi dan kesejahteraan sosial sedang giat diusahakan. Laporan akhir kajian ini dirancang untuk dibentangkan kepada ahli majlis pada bulan Oktober 2017.

Keputusan perbincangan mesuarat adalah:

1.

Itulah antara isu perbincangan yang telah diteliti dalam mesuarat MPN siri 5 bilangan 1 Tahun 2017 kali ini.

**Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Jabatan Perumahan Negara
Mac 2017**

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my